



Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/01/25/0088 (15)
Tarikh : 28 Mac 2025

TENAGA NASIONAL BERHAD

Wisma TNB Ipoh,
Jalan Lahat,
30200 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p : Encik Mohd Hairul Nizan bin Muhammad)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN
MENJALANKAN KERJA PENUBUHAN PPU LAHAT MINES
RESORT 33/11KV, IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM232,401.96 seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-03-0088/25).
ii.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 130,500.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Bandaraya Ipoh.
iii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 13,050.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap) kepada Majlis Bandaraya Ipoh.
iv.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
v.	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan <i>compactor</i> (600mm).
vi.	Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja.
vii.	Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit.





Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/01/25/0088 (15)
Tarikh : 18 Mac 2025

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN
MENJALANKAN KERJA PENUBUHAN PPU LAHAT MINES
RESORT 33/11KV, IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga **tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period" (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan Majlis Bandaraya Ipoh dan Borang Bayaran Wang Cagaran untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)**

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.





Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/01/25/0088 (15)
Tarikh : 28 Mac 2025

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN
MENJALANKAN KERJA PENUBUHAN PPU LAHAT MINES
RESORT 33/11KV, IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nur Izzati Syazwani Binti Abdul Halim** di talian **010-3773697** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/27032025/W/n/izzati

Salinan kepada:

1. PENGARAH KEJURUTERAAN BANDARAYA

Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

